

## KONSEP UMUM RAHMAT TERHADAP ALAM SEKITAR MENURUT PERSPEKTIF PENTAFSIRAN *AL-RA'YI*

THE GENERAL CONCEPT OF MERCY TO THE ENVIRONMENT: A STUDY ON THE  
PERSPECTIVE OF *AL-RA'YI* INTERPRETATIONS

**Muhammad Yusry Affandy bin Md Isa**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

E-mail: yusry\_affandy@usim.edu.my

### ABSTRAK

Rahmat terhadap alam sekitar adalah antara agenda pensyariatan Islam yang terkandung di dalam *al-Qur'an al-Karim*. Pentafsiran *al-ra'y*i dapat membantu menambahkan lagi kefahaman tentang keperluan semasa dan penekanan ilmu tambahan dalam isu pemeliharaan alam sekitar. Konsep rahmat terhadap alam sekitar dianalisis daripada dua wacana pentafsiran iaitu perspektif Rashid Rida (w.1935M.) dan Syed Qutb (w.1966M.). Kajian ini penting dalam menghasilkan sebuah konsep rahmat menurut pandangan *mufassirin* di luar kerangka pentafsiran *al-ma'thur*. Konsep yang terhasil membuktikan penghayatan serius para *mufassir* aliran *al-ra'y*i dalam mempertahankan alam sekitar. Kajian ini mengaplikasikan kaedah deduktif daripada bahan pentafsiran *al-ra'y*i iaitu karya *Tafsir al-Manar* dan *Fi Zilal al-Qur'an* untuk tujuan data utama. Kaedah deskriptif pula diaplikasikan bagi menghuraikan data-data bagi tujuan mendapatkan konsep rahmat terhadap alam sekitar. Dapatan kajian menunjukkan terdapat ayat yang mengandungi mesej rahmat terhadap alam sekitar. Pentafsiran Rashid Rida dan Syed Qutb adalah sama dalam konteks mengutarakan kewajipan semua pihak memelihara alam sekitar. Beberapa cadangan kaedah penjagaan yang bersifat globalisasi juga turut dinyatakan dalam pentafsiran. Meskipun para *mufassirin* berbeza latar belakang dan zaman namun mereka bersama-sama meraikan ilmu kesedaran tentang alam sekitar. Rumusan terpenting ialah setiap tafsiran ayat dalam kerangka rahmat adalah mengandungi penghayatan wahyu yang selari dengan perjuangan alam sekitar. Kefahaman *al-ra'y*i ini juga membuktikan bahawa para sarjana Islam berfikiran luas dan mencetuskan konsep yang positif dalam isu manusia sejagat.

**Kata kunci:** konsep, rahmat, alam sekitar, pentafsiran, *al-ra'y*i

## ABSTRACT

One of the fundamental principles of Islamic legislation is mercy pertaining to the environment as contained in *al-Qur'an al-Karim*. In this paper, the concept of mercy to the environment is derived from two exegetes' discourses that are Rashid Rida (d. 1935CE) and Sayyid Qutb (d. 1966). The objective of this paper is to expose the views of these two prominent figures which focus on environmental texts. The interpretations based upon *al-ra'y* (rational) approach will lead to increase the understanding of current needs as well as the emphasis of auxiliary sciences in environmental conservation issues. The study is significance in determining the concept of mercy according to exegetes from outside of *al-ma'thur* (interpretation based on tradition or text) framework. Critically, the pursuit of environmental preservation is accomplished through the appreciation of rational exegetes' approaches. In analyzing data, this study employs the deductive method and descriptive methods in applying the concept of environmental mercy from Rashid Rida's *Tafsir al-Manar* and Sayyid Qutb's *Fi Zilal al-Qur'an*. Through the Quranic verses of environmental preservation, this study demonstrates that the notion of environmental preservation is emphasized by Rashid Reda and Sayyid Qutb with the obligation of all parties to execute. Although the period and background of exegetes are different, the similarity of their global interpretations suggest more mechanism are made for the environmental awareness. The most important conclusion is the concept of mercy contained in the Quranic verses can be interpreted and appreciated with the struggle of the environmental movement. This understanding of *al-ra'y* interpretation give insight into Muslim scholars' exposition and demonstrate that their intellectual capacity is far-reaching and develops a conclusive concept for universal humanity.

**Keywords:** concept, mercy, environment, interpretation, *al-ra'y*

## 1. PENDAHULUAN

Pihak Barat sering dilihat memperjuangkan isu alam sekitar. Dalam pada itu, ideologi Islam turut mengetengahkan perjuangan ini menerusi wadah al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini perlu dibuktikan dan dilihat secara tekun menerusi wadah utama khasnya dalam konteks lembaran wahyu. Pentafsiran secara *al-ma'thur* menekankan isu ini namun pentafsiran secara *al-ra'y* lebih bersifat khusus dalam menyentuh isu semasa seperti perkaitan penebangan pokok dan pencerobohan muka bumi.

Terdapat pelbagai karya pentafsiran *al-ra'y* bertemakan fokus pilihan seperti *harakiyyah* (gerakan Islam), *ruhiyyah* (kerohanian) dan *'ilmiyah* (sains). Konsep rahmat merupakan unsur yang terselit dalam dua karya pentafsiran *al-ra'y* iaitu *Tafsir al-Manar* susunan Rashid Rida (w.1935M.) dan *Fi Zilal al-Qur'an* susunan Syed Qutb (w.1966M.). Objektif penulisan ini akan mendedahkan pandangan kedua-dua tokoh *mufassir* berhubung ayat-ayat berhubung alam

sekitar. Pentafsiran *al-ra'y* yang telah diteliti dapat membantu menambahkan lagi kefahaman tentang keperluan semasa dan penekanan ilmu tambahan dalam isu pemeliharaan alam sekitar.

Alam sekitar adalah suatu istilah yang berkait rapat dengan bumi yang menjadi petempatan manusia. *Encyclopedia Britannica* mendefinisikan alam sekitar diertikan sebagai medan yang menyumbang kepada faktor fizikal, kimia dan biotik terhadap organisma atau komuniti ekologi sehingga menatijahkan bentuk dan kelangsungan kehidupan.<sup>1</sup> Penjagaan terhadap bumi atau alam sekitar ada dinyatakan dalam *al-Qur'an al-Karim*. Ini membuktikan isu alam sekitar termasuk dalam agenda pensyariatan Islam berdasarkan beberapa keadaan ayat dan arahan yang diberikan Allah s.w.t. kepada manusia selaku pemegang amanah.

Penjagaan terhadap alam sekitar dapat direalisasikan menerusi pelaksanaan rahmat. Allah s.w.t. telah menegaskan misi perutusan Rasulullah s.a.w.:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ <sup>۱۰۷</sup>

Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

(al-Quran, *Surah al-Anbiya'*, 21:107)

Rahmat merupakan kalimah yang membawa makna kebaikan yang menyenangkan.<sup>2</sup> Apabila rahmat dibicarakan sebagai satu konsep, ia membawa kepada pengertian konsep belas kasihan yang khusus dan ada yang bersifat umum bergantung kepada tindakan kebaikan yang ingin dilaksanakan.<sup>3</sup> Ia tidak bersifat mutlak kerana kebaikan yang hendak dilakukan perlu mengambil kira beberapa etika syariat.

Para *mufassir* berbeza pandangan tentang kalimah *al-'alam* yang merupakan sasaran rahmat dalam ayat 107 *Surah al-Anbiya'*. Terdapat pendapat yang mentafsirkan bahawa ia merujuk kepada ahli iman iaitu komuniti Muslim dan terdapat pendapat yang memasukkan golongan Non Muslim sebagai sasaran rahmat.<sup>4</sup>

Wahbah al-Zuhaili menghuraikan makna rahmat dari segi terminologi adalah bermaksud perutusan Rasulullah s.a.w. terhadap seluruh manusia dan jin hingga tercapai kesejahteraan kehidupan yang sebenar.<sup>5</sup> Justeru, alam sekitar adalah medan kehidupan yang perlu dihubungkan dengan rahmat kerana memberi implikasi langsung kepada manusia khasnya. Imam al-Tabari

<sup>1</sup> McHenry, R. (1997). *Encyclopedia Britannica*, United Kingdom: Anybook Ltd. Lincoln., hlm. 123.

<sup>2</sup> Ibn Manzur. (1999). *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath, j.6, hlm. 173.

<sup>3</sup> Al-Ashhab. (2009). *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*, Makkah: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz, hlm. 253-254.

<sup>4</sup> Al-Tabari. (2005). *Jami 'al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Qahirah: Dar al-Salam, j.17, hlm. 106.

<sup>5</sup> Wahbah al-Zuhaili. (1999). *al-Tafsir al-Munir*. Beirut: Dar al-Fikr, j., 17, hlm. 144.

mengaitkan sasaran rahmat Islam adalah kepada setiap yang telah diciptakan Allah s.w.t. maka alam sekitar atau petempatan bumi merupakan sebahagian daripada hal ini.<sup>6</sup>

Rasulullah s.a.w. selaku pelaksana rahmat telah menunjukkan beberapa pedoman rahmat terhadap alam sekitar. Baginda ada menyentuh tentang kebaikan penanaman pokok mengikut ajaran agama. Hadis ini secara tidak langsung menyumbang kepada kestabilan ekosistem. Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ عَرْسَانًا إِلَّا كَانَ مَا أُكِلَ مِنْهُ لَهُ صَدَقَةٌ وَمَا سُرِقَ مِنْهُ لَهُ صَدَقَةٌ وَمَا أَكَلَتِ  
الطَّيْرُ فَهُوَ لَهُ صَدَقَةٌ وَلَا يَرْزُقُهُ أَحَدٌ إِلَّا كَانَ لَهُ صَدَقَةٌ

Maksudnya: Rasulullah s.a.w. bersabda: Tidaklah seorang muslim menanam suatu pohon melainkan apa yang dimakan dari tanaman itu sebagai sedekah baginya dan apa yang dicuri dari tanaman tersebut sebagai sedekah baginya dan tidaklah kepunyaan seorang itu dikurangi melainkan menjadi sedekah baginya.

(Hadith sahih riwayat Anas bin Malik, *Sahih Muslim*, no.518)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنْ قَاتَمِتِ السَّاعَةُ وَفِي يَدِ أَحَدِكُمْ فَسِيلَةٌ، فَإِنِ اسْتَطَاعَ أَنْ لَا تَفْوَمْ حَتَّى يَغْرِسَهَا فَلْيَغْرِسْهَا

Maksudnya: Rasulullah s.a.w. bersabda: Jika tiba Hari Kiamat sedangkan di tangan kamu ada benih dan mampu di tanam sebelum datangnya Hari Kiamat, makan hendaklah kamu tanamnya.

(Hadith sahih riwayat Anas bin Malik, *Sahih al-Bukhari*, no.1424)

Sungai merupakan antara keindahan alam sekitar yang perlu dipelihara manusia. Terdapat hadith riwayat Imam Ibn Majah yang membicarakan tentang tegahan berlebih-lebihan menggunakan air sungai meskipun untuk tujuan wuduk. Hadith tersebut ialah:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِسَعْدٍ وَهُوَ يَتَوَضَّأُ فَقَالَ مَا هَذَا السَّرْفُ فَقَالَ أَبِي الْوُضُوءِ  
إِسْرَافٌ قَالَ نَعَمْ وَإِنْ كُنْتَ عَلَى هَرِيجٍ

Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. lalu di suatu kawasan dan melihat Sa'ad sedang berwuduk lalu baginda bersabda: Kenapakah perkara berlebihan ini? Maka Sa'ad menjawab: Adakah pada wuduk juga terdapat perkara berlebihan? Lalu baginda menjawab: Ya sekalipun kamu berada di sungai yang mengalir.

<sup>6</sup> Al-Tabari. (2005). *op. cit.*

(Hadith *dha'if* riwayat 'Abd-Allah bin 'Amr, *Sunan Ibn Majah*, no. 425)

Justeru, hadith tersebut dapat dijadikan iktibar tentang keperluan mengambil berat sebarang isu yang dapat mengurangkan kemurnian sungai atau pencemaran sungai. Demikian juga terdapat hadith *sahih* riwayat Imam Muslim tentang balasan baik terhadap individu yang membuang halangan di jalan laluan masyarakat. Seruan ini dapat dijadikan iktibar tentang keperluan memelihara lapangan bumi daripada sebarang unsur yang membahayakan. Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَقَدْ رَأَيْتُ رَجُلًا يَتَّقَلَّبُ فِي الْجَنَّةِ فَطَعَّهَا مِنْ ظَهِيرَ الْطَّرِيقِ كَانَتْ تُؤْذِي الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya: Seseungguhnya benar-benar aku melihat seorang lelaki berlegar-legar di dalam syurga lantaran (kebaikannya) mengatasi (masalah) pokok yang merintangi jalan yang telah menyusahkan kalangan Muslimin.

(Hadith *sahih* riwayat Abu Hurairah, *Sahih Muslim*, no.1914)

## 2. METODOLOGI

Artikel ini mengaplikasikan kaedah deduktif bagi mendapatkan ayat-ayat berhubung alam sekitar dan fakta-fakta yang bersesuaian daripada bahan pentafsiran *al-ra'yi*. Kaedah deskriptif pula diaplikasikan bagi menghuraikan data-data dan selanjutnya dianalisis bagi mendapatkan konsep rahmat terhadap alam sekitar.

## 3. HASIL DAN PERBINCANGAN

### Pentafsiran *Al-Ra'yi* Terhadap Ayat Alam Sekitar:

Pentafsiran *al-ra'yi* bermaksud pentafsiran al-Quran yang mengaplikasikan penerangan makna ayat dengan menggunakan ijтиhad yang tersendiri.<sup>7</sup> Pendekatan ini membuka jalan kepada pentafsiran yang menyentuh isu semasa seperti alam sekitar. Kemunculan pentafsiran *al-ra'yi* di era moden adalah fenomena yang wajar dan perlu dilaksanakan sejajar dengan beberapa nas al-Quran yang mengisyaratkan bahawa terdapat pelbagai pengetahuan ilmu yang tersirat di dalamnya.<sup>8</sup>

Antara kitab pentafsiran *al-ra'yi* di era moden ialah *Tafsir al-Manar* dan *Tafsir fi Zilal al-Quran*. *Tafsir al-Manar* atau nama lengkapnya *Tafsir al-Qur'an al-Hakim* merupakan kitab tafsir moden yang menghimpun riwayat-riwayat yang *sahih* dan pandangan akal yang logik dalam menjelaskan hikmah-hikmah syariah serta sunnatullah yang berlaku terhadap manusia.

<sup>7</sup> Al-Qattan. (2000). *Mabahith fi 'Ulum al-Qur'an*, Misr: Muassasah al-Risalah, hlm. 351.

<sup>8</sup> Nurkholis. (2006). *Al-Qur'an Dalam Kesejarahan Klasik dan Kontemporer*, Ciputat: Jurnal Study Al-Quran, Pusat study al-Quran, hlm. 56.

Kitab ini telah disusun Rashid Rida (w.1935M.) hasil daripada pengajian dan persahabatannya bersama ulama reformis tersohor, Muhamamad 'Abduh (w.1905M.).

Manna' al-Qattan menyatakan bahawa *Tafsir fi Zilal al-Quran* karangan Sayyid Qutb termasuk dalam senarai kitab tafsir moden yang mahsyur.<sup>9</sup> Pengarangnya, Sayyid Qutb (w.1966M.), merupakan pemimpin gerakan *Ikhwan al-Muslimin* dan tokoh tafsir moden yang disegani di Mesir pada era 50-an. Pengalaman sebagai sasterawan, ahli politik dan penglibatan dalam gerakan Islam seperti *Ikhwan al-Muslimin* banyak membantu kreativiti beliau dalam menghasilkan penulisan yang unik dan bersifat semasa.

Menerusi artikel ini, konsep rahmat terhadap alam sekitar dikeluarkan daripada dua wacana pentafsiran iaitu perspektif Rashid Rida (w.1935M.) dan Syed Qutb (w.1966M.) dalam skop ayat-ayat penjagaan alam sekitar. Menurut penelitian 'Imaaduddin dan Noor Shakirah (2016), ayat-ayat yang dinilai mempunyai hubungan langsung dengan penjagaan alam sekitar ialah ayat 11, 60 dan 205 *Surah al-Baqarah*, ayat 64 *Surah al-Maidah*, ayat 56, 74, 85 dan 142 *Surah al-A'raf*, ayat 51 dan 85 *Surah Hud*, ayat 37 *Surah al-Isra'*, ayat 183 *Surah al-Shu'ara'*, ayat 77 *Surah al-Qasas*, ayat 36 *Surah al-'Ankabut* dan ayat 18 *Surah Luqman*.<sup>10</sup>

Rashid Rida (w.1935M.) dan Syed Qutb (w.1966M.) mengemukakan pentafsiran *al-ra 'yi* dengan cara mengulas berlandaskan idealisme tersendiri tanpa terikat dengan nas *ma'thur*. Ini disebabkan ayat-ayat penjagaan alam sekitar dalam bentuk ayat-ayat *am'* (umum) dan tidak bersifat *qath'i al-dalah* iaitu ayat yang mengandungi perintah syariat utama yang memerlukan huraian nas atau kaedah *istinbat* (pengeluaran hukum fiqh).

Pentafsiran *al-ra 'yi* membantu keberadaan wahyu di era moden. Huraian *mufassir* selagi tidak terkeluar daripada maksud al-Quran dapat menunjukkan keluasan dan sifat global Islam yang menyentuh kepentingan sangat seperti lapangan ilmu perubatan, sains, astronomi dan isu alam sekitar. Pihak Barat sering mengetengahkan isu alam sekitar ini. Dalam pada itu, nas al-Quran yang difahami *mufassir* juga tidak ketinggalan dalam memperjuangkan isu yang sama. Perspektif pentafsiran Rashid Rida (w.1935M.) dan Syed Qutb (w.1966M.) adalah mewakili ilmuan tafsir terutama di era moden dalam menampilkan seruan dan mesej rahmat terhadap alam sekitar khasnya mengikut acuan minda Islam.

### Konsep Rahmat Terhadap Alam Sekitar:

*Al-Quran al-Karim* selaku kitab agung banyak memperkatakan tuntutan kehidupan termasuk rahmat terhadap alam sekitar. Tuntutan ini terkandung pada ayat-ayat umum supaya manusia dapat menterjemahkan tuntutannya mengikut keadaan zaman. Tiada ayat-ayat al-Quran bersifat secara langsung menyentuh tentang larangan mencemar sungai, memotong pokok,

<sup>9</sup> Al-Qattan. (2000). *op. cit.*, hlm. 372.

<sup>10</sup> 'Imaaduddin dan Noor Shakirah. (2016). *Tafsir Ayat-Ayat al-Quran Berkenaan Penjagaan Alam Sekitar dan Analisis Isu-Isu Alam Sekitar di Malaysia*, Universiti Malaya: Afkar Jurnal Akidah & Pemikiran Islam. Vol. 18 Issue 1, hlm. 110-112.

pengawalan asap dan sebagainya. Ini kerana al-Quran diturunkan dengan sifat yang akan bersesuaian sepanjang zaman tanpa memerlukan pengkhususan tema melainkan pada ayat dasar syariat seperti tauhid dan ibadat.

Melalui pentafsiran Rashid Rida dan Syed Qutb, beberapa konsep rahmat alam sekitar dikeluarkan hasil daripada pemahaman mereka terhadap ayat-ayat yang mempunyai jalinan tersebut. Antara konsep yang terhasil ialah:

### **Memelihara Keseluruhan Bumi Selaku Medium Utama Alam Sekitar:**

Rashid Rida dan Syed Qutb masing-masing menterjemahkan huraian makna *al-ardh* (الأرض) sebagai bumi. Kalimah ini juga bersangkutan dengan alam sekitar yang berkait rapat dengan bumi. Dalam ayat-ayat penjagaan alam sekitar, mereka tidak mengkhususkan perspektif bahawa bumi yang perlu diawasi hanyalah bumi yang menjadi petempatan umat Islam. Bahkan digunakan kalimah bumi yang umum. Dapat difahami keseluruhan bumi termasuk dalam tuntutan rahmat yang diperjuangkan Islam.

Syed Qutb menjelaskan manusia dijadikan daripada unsur bumi. Kemudian Allah s.w.t. menyerahkan keseluruhan bumi untuk dibangunkan dengan cara yang dikehendaki-Nya.<sup>11</sup>

### **Memanfaatkan Khazanah Alam:**

Bumi ini mengandungi manfaat yang telah ditentukan Allah s.w.t. Rashid Rida menyeru manusia jangan melakukan kerosakan terhadap anugerah khas kepada manusia ini.<sup>12</sup> Di samping itu, Rashid Rida memaparkan dalam pentafsiran ayat 56 *Surah al-A'raf* tentang rahmat alam yang dikurniakan kepada manusia seperti daratan tempat tinggal, sumber makanan dan air. Selanjutnya beliau mengungkapkan sesiapa yang melaksanakan kebaikan pasti akan mendapat kebaikan hidup yang dijanjikan Tuhan.<sup>13</sup>

Menerusi pentafsiran ayat 61 *Surah Hud*, beliau menjelaskan bahawa keadaan bumi sebagai medan kemakmuran. Manusia bebas untuk mengusahakan pertanian, industri dan pembinaan yang berfaedah asalkan tidak mendatangkan kerosakan.<sup>14</sup>

### **Memahami Peranan Selaku Khalifah Atau Pemegang Amanah:**

Rashid Rida menyatakan bahawa manusia adalah khalifah atas muka bumi. Buruk dan baik bergantung kepada mereka.<sup>15</sup> Mereka yang dimaksudkan daripada warga manusia yang beriman dan yang tidak beriman. Rashid Rida dan Syed Qutb beriringan dalam menekankan peranan manusia adalah sebagai khalifah untuk membangunkan dan menguasai bumi dengan

<sup>11</sup> Syed Qutb. (2005). *Fi Zilal al-Qur'an*, Misr: Dar al-Shuruq, j.4, hlm. 1910.

<sup>12</sup> Rashid Rida. (1999). *Tafsir al-Manar*, j.8. hlm. 406.

<sup>13</sup> *Ibid.*, 8j., hlm. 407.

<sup>14</sup> *Ibid.*, j.12, hlm. 95.

<sup>15</sup> *Ibid.*, j.8, hlm. 407.

amanah daripada Allah s.w.t. Amanah yang tidak wajar dilupakan ialah berpegang kepada tauhid, ibadat dan melakukan kebaikan di muka bumi. Menerusi pentafsiran ayat 74 *Surah al-A'raf* tersebut, Rashid Rida lebih cenderung memfokuskan peranan muslim sebagai khalifah berbanding peranan bukan Islam dalam mencetuskan rahmat.

### **Menjauhi Sebarang Kerosakan:**

*Islah* bererti usaha untuk mengatasi kerosakan. Kalimah ini berasal dari kata dasar “*salah*” yang dapat diertikan dengan baik, usaha atau pendamaian.<sup>16</sup> *Fasad* pula bererti sesuatu yang bertentangan dengan *islah*. Ia dapat diertikan dengan pelbagai perbuatan buruk yang menggugurkan kebaikan atau manfaat pihak lain. Menurut Sibawiah, *fasad* adalah suatu istilah yang berkait rapat dengan perbuatan menghancurkan sesuatu kelompok yang sudah tersusun baik.<sup>17</sup>

Allah s.w.t. melarang melakukan kerosakan dengan ungkapan tegahan (*al-nahy*) secara langsung seperti "ولا تبغ الفساد في الأرض" dan "لا تفسدوا في الأرض". Sebagai contoh firman-Nya:

وإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ۝

Maksudnya: Dan apabila dikatakan kepada mereka: Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi, mereka menjawab: Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan.”

(al-Quran, *Surah al-Baqarah*, 2:11)

Firman Allah s.w.t.:

وَابْتَغُ فِيمَا آتَيْكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغُ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ <sup>٧٧</sup>

Maksudnya: Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.

<sup>16</sup> Ibn Manzur. (1999). *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath, j.7 ,hlm. 345.

<sup>17</sup> *Ibid.*, 8j., hlm. 52.

(al-Quran, *Surah al-Qasas*, 28:77)

Rahmat atau kebaikan akan tercetus menerusi sentimen mahu menjauhi sebarang kerosakan. Menerusi pentafsiran ayat 11 *Surah al-Baqarah*, Syed Qutb menempelak golongan munafik yang memiliki tabiat suka melakukan kerosakan tanpa rasa bersalah.<sup>18</sup> Mereka angkuh melakukan kerosakan terhadap pihak yang bertentangan pemikiran sebagai mana tabiat kelompok Yahudi. Dalam pentafsiran ayat 64 *Surah al-Maidah*, Yahudi dinyatakan mempunyai tabiat suka melakukan kerosakan menerusi perperangan.<sup>19</sup> Berpunca daripada dendam dan berpegang kepada kejahanan, Syed Qutb menyatakan manusia sanggup mengeksploitasi kepintaran untuk mencetuskan kerosakan yang seterusnya memberi kesan negatif terhadap muka bumi ini. Lantaran inilah Allah s.w.t. tidak menyukai golongan perosak tersebut.<sup>20</sup>

Rashid Rida lebih banyak menjelaskan bentuk kerosakan alam sekitar berbanding pentafsiran Syed Qutb. Ini dapat dilihat seperti dalam pentafsiran ayat 205 *Surah al-Baqarah*, ayat 64 *Surah al-Maidah*, ayat 56 dan ayat 85 *Surah al-A'raf* dan ayat 85 *Surah Hud*. Amalan yang wajib dijauhkan adalah seperti berikut:

- a) Perbuatan suka merosakkan harta awam.
- b) Serangan musuh yang membinaaskan kemudahan manusia.
- c) Menghancurkan perolehan buah-buahan.
- d) Menghancurkan industri pertanian.
- e) Menghancurkan industri ternakan.
- f) Tidak menghargai golongan peneraju tamadun dan rakyat pedalaman.
- g) Mempengaruhi pihak lain melakukan kerosakan.
- h) Merosakkan gaya fikir dan kemasyarakatan yang positif.
- i) Memusnahkan masyarakat dengan pentadbiran yang zalim.
- j) Merosakkan petempatan manusia.
- k) Memotong pokok.
- l) Membinaaskan saliran sungai.

<sup>18</sup> Syed Qutb. (2005). *Fi Zilal al-Qur'an*, Misr: Dar al-Shuruq, j.1, hlm. 44.

<sup>19</sup> *Ibid.*, j.2, hlm. 927.

<sup>20</sup> *Ibid.*, j.1, hlm. 205.

Rashid Rida menegaskan alam ini telah dijadikan Allah s.w.t dengan sistem terbaik.<sup>21</sup> Justeru, sebarang kerosakan sememangnya memberi implikasi langsung pada muka bumi atau alam sekitar termasuk manusia itu sendiri.

#### 4. KESIMPULAN

Rashid Rida dan Syed Qutb adalah tokoh *mufassir* yang hidup di era moden tatkala dunia sudah dihimpit dengan pelbagai isu alam sekitar. Perspektif mereka dapat memperlihatkan resolusi al-Quran terhadap isu ini dengan lebih dekat berbanding *mufassir* silam dalam aliran *ma'thur*. Antara rumusan yang dicapai ialah:

- a) Konsep rahmat terhadap alam sekitar dapat dijalankan menerusi aktiviti memelihara keseluruhan bumi selaku medium utama alam sekitar, memanfaatkan khazanah alam, memahami peranan selaku khalifah atau pemegang amanah dan menjauhi sebarang kerosakan.
- b) Terdapat 15 ayat yang mengandungi mesej rahmat terhadap alam sekitar. Pendapat Rashid Rida dan Syed Qutb adalah sama dalam konteks memperkatakan kewajipan semua manusia sama ada Muslim atau bukan Muslim untuk memelihara alam sekitar.
- c) Beberapa cadangan penjagaan bersifat globalisasi turut dinyatakan dalam pentafsiran seperti manusia adalah bebas mengusahakan pertanian, industri dan pembinaan yang berfaedah asalkan tidak mendatangkan kerosakan. Dalam pada itu, manusia perlu mengekang kesemua perkara yang diistilahkan sebagai perbuatan merosakkan. Memotong pokok secara berleluasa dan membinaaskan sungai turut ditekankan sebagai perbuatan merosakkan muka bumi atau alam sekitar yang perlu dihindari.
- d) Mengikut perspektif pentafsiran *al-ra'y* yang dibincangkan ini, maksud *fasad* atau kerosakan lebih kepada tindakan peperangan dan perbuatan menghancurkan segala kemudahan yang berhampiran dengan manusia seperti petempatan, sumber makanan dan pertanian.
- e) Meskipun Rashid Rida dan Syed Qutb menyentuh kepentingan memelihara bumi dan menjauhi sebarang kerosakan, namun fakta khusus kaedah berinteraksi dengan alam sekitar dan ancaman alam sekitar dari sudut kesan ekonomi, geografi dan sains tidak dijanakan bersama dalam pentafsiran. Namun perspektif mereka konsisten dalam menuntut kebaikan atau rahmat terhadap alam yang dianugerahkan.

---

<sup>21</sup>Rashid Rida. (1999). *Tafsir al-Manar*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.8, hlm. 464.

## RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] *Al-Qur'an al-Karim*
- [2] Al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husain b. Muhammad. (2009). *al-Mufradat fi gharib al-Quran*. Makkah: Maktabah Nizar Mustafa al-Baz.
- [3] Al-Bukhari, Abu 'Abd-Allah Muhammad b. Ibn Isma'il b. Ibrahim. (t.t.). *al-Jami' al-sahih al-musnad min hadis al-Rasul Salla Allah 'Alaih Wasallam wa Sunanahi wa ayyamih*. Misr: Dar wa Matabi' al-Sya'b.
- [4] Al-Qattan, Manna'. (2000). *Mabahith fi 'ulum al-Qur'an*. Misr: Muassasah al-Risalah.
- [5] Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir. (2005). *Jami' al-bayan 'an ta'wil ayat al-Qur'an*. Qahirah: Dar al-Salam.
- [6] Al-Zuhaili, Wahbah. (1998). *al-Tafsir al-munir fi al-'aqidah wa al-shari'ah wa al-manhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [7] Ahmad b. Muhammad b. Hanbal al-Shaibani. (1428H). *al-Musnad*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- [8] Ibn Majah, Muhammad b. Yazid b. al-Qazwini. (1996). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [9] Ibn Manzur. (1999). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- [10] 'Imaaduddin Abdul Halim dan Noor Shakirah Mat Akhir. (2016). *Tafsir ayat-ayat al-Quran berkenaan penjagaan alam sekitar dan analisis isu-isu alam sekitar di Malaysia*. Universiti Malaya: Afkar Jurnal Akidah & Pemikiran Islam. Vol. 18 Issue 1.
- [11] McHenry, R. (1997). *Encyclopedia Britannica*. United Kingdom: Anybook Ltd.
- [12] Muhammad Makmun Rasyid. (2016). *Islam rahmatan lil alamin perspektif KH. Hasyim Muzadi*. Institut Agama Islam Indonesia: Episteme: Jurnal Pengembangan Ilmu keislaman vol. 11.
- [13] Muslim b. Isma'il. (2000). *Sahih al-Muslim*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- [14] Nurkholis Setiawan. (2006). *Al-Qur'an dalam kesejarahan klasik dan kontemporer*. Ciputat: Jurnal Study Al-Quran, Pusat study al-Quran.
- [15] Rashid Rida. (1999). *Tafsir al-manar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- [16] Syed Qutb. (2005). *Fi zilal al-Qur'an*. Misr: Dar al-Shuruq.